

04/12/1997

Hicom Perkasa sehebat namanya

MALAYSIA amnya dan Kumpulan DRB-Hicom khususnya, sekali lagi mencipta sejarah dalam industri automotif tempatan berikutan pelancaran trak nasional pertama dikenali sebagai Hicom Perkasa oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, November lalu.

Dengan pelancaran Perkasa, Malaysia kini boleh berbangga kerana berupaya menghasilkan sendiri hampir semua segmen kenderaan bermotor darat, meliputi kereta penumpang, van/kenderaan pelbagai guna (MPV), motosikal dan trak.

Dibina oleh Malaysian Truck & Bus Sdn Bhd (MTB), usaha sama di antara Diversified Resources Bhd (DRB), Hicom Holdings Bhd dan Isuzu Motors Ltd, Perkasa diunjurkan berupaya memberi kemampuan setanding, jika tidak pun, mengatasi, trak/lori sekelas dengannya yang sedia ada di jalan raya negara ini.

Menggunakan proses pengeluaran berteknologi tinggi dan direka bentuk khas untuk memenuhi keperluan pelbagai urusan perniagaan/komersil, trak nasional ini dijangka tidak mengecewakan, sebaliknya pula menguntungkan pemiliknya.

Buat permulaan, MTB memperkenalkan tiga model iaitu MTB 140 (empat tan metrik), MTB 150T (lima tan metrik) dan MTB 150DX (lima tan metrik) manakala sebuah lagi model (tujuh tan metrik) akan diperkenalkan bulan ini.

Dilengkapi kuasa enjin diesel suntikan langsung endah alam Euro 1, Perkasa begitu menjimatkan dan tahan lama, di samping memiliki lebih kuasa dan tork.

Ini menjadikannya sesuai untuk kegunaan dalam jangka masa lama tanpa menimbulkan sebarang masalah. Lebih menarik serta menjimatkan, kos penyelenggaraan Perkasa mudah dan cepat serta pada kos yang rendah.

Berdasarkan risalah MTB mengenai Perkasa, model MTB 140 mempunyai keupayaan gred maksimum 27.3 tan metrik dengan kelajuan maksimum 110 kilometer sejam (ksj); MTB 150T mempunyai keupayaan gred maksimum 28 tan metrik (115 ksj) dan MTB 150DX mempunyai keupayaan gred maksimum 27 tan metrik (110 ksj).

Dari segi reka bentuk pula, setiap ciri Perkasa dibina teliti untuk memudahkan penggunaan dan pengendalian di jalan raya, sekali gus menepati serta memenuhi keperluan dan kehendak seseorang daripada sebuah trak sepertinya.

Kabinnya dibina tinggi dengan rekaan berbentuk aerokiub untuk ruang tambahan. Bagi kemudahan keluar masuk, pintunya direka bukaan 90 darjah manakala cermin tingkap dibina tanpa rangka besi di tengahnya.

Untuk kawalan sepenuhnya ketika memandu dan parking, trak ini dilengkapi stereng berkuasa tambahan.

Mengenai kemas dalam, selain menawan dengan kemas yang sempurna, tempat duduk Perkasa diperbuat daripada bahan kalis api untuk keselamatan pemandu/penumpang, manakala untuk ketahanan trak secara keseluruhan, struktur gandar bawahnya diperteguhkan, begitu juga dengan panel badan yang disaluti zink untuk tujuan sama.

Istimewa lagi, kedudukan kargonya boleh diubah suai mengikut kemahuan pemilik/pemandu dalam pelbagai pilihan reka bentuk yang komprehensif. Kadar berat dengan muatan (BDM) pula pelbagai, begitu juga dengan kapasiti enjin, kabin dan saiz casis, segalanya untuk memudahkan urusan sama ada kegunaan di bandar mahupun desa.

Dengan ciri-ciri yang ada, ia bukan sahaja gagah dan cemerlang iaitu sesuai dengan namanya Perkasa dan sebagai Trak Malaysia nombor 1, tetapi kerana ia sememangnya unggul sebagai rakan niaga pemiliknya.

Perkasa dipasarkan oleh Automotive Corporation (M) Sdn Bhd (ACM) di semenanjung dan Kinabalu Motor Assembler untuk Sabah dan Sarawak. Harga di atas jalan bagi model MTB 140 ialah RM44,959.08; MTB 150T (RM53,934.23) dan MTB 150DX (RM59,843.43).

(END)